

07 NOV 2000

Sungai (Laporan Khas) /I

KEMPEN CINTAI SUNGAI MASUKI HALUAN BARU

ALOR SETAR, 7 Nov (Bernama) -- Setiap kali Razak Ahmad, seorang peniaga, membuang sampah ke dalam Sungai Kedah, beliau tidak menyedari bahawa beliau sebenarnya membuang wang dan bukan sampah.

Bagi setiap tan sampah yang dibuang, pihak berkuasa membelanjakan kira-kira RM250 untuk operasi pembersihan, kata Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Kedah, Phuah Kim Heng.

Ringgit dan sen yang dibelanjakan untuk operasi pembersihan tidak terlintas difikiran Razak sehingga perniagaannya menghadapi masalah apabila orang ramai tidak lagi mengunjungi gerainya kerana keadaan sungai dekat gerai beliau kelihatan telalu kotor.

"Saya membersihkan sungai dengan mengutip semua sampah dan mencantikkan tebing dengan menanam bunga. Perniagaan sekarang kembali seperti keadaan asal malah semakin ramai pelanggan," kata Razak.

Beliau berjanji akan menjaga kebersihan sungai dan mencantikkannya kerana orang ramai boleh menikmati makanan sambil menikmati alam sekitar.

Beratus-ratus lagi akan menyertai Razak membuat ikrar itu apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kempen Cintai Sungai Kita peringkat kebangsaan di Alor Setar Jumaat ini.

Phuah berkata kempen itu yang dimulakan sejak 1993 berjaya menanam kesedaran di kalangan orang ramai mengenai pentingnya memastikan sungai sentiasa dalam keadaan bersih.

Bagaimanapun, kali ini tumpuan adalah untuk mendapatkan ikrar daripada jabatan-jabatan kerajaan, sektor korporat, industri dan pertanian. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), pertubuhan bukan kerajaan dan sekolah akan menyertai secara aktif dalam program pemuliharaan dan pengurusan sungai, katanya.

Empat sektor - lanskap sungai, tajaan bagi pembinaan perangkap sampah kasar, rawatan sisa air dan menjadikan sungai sebagai sungai angkat - sudah dikenalpasti untuk disertai golongan ini secara sukarela menerusi konsep gotong-royong atau penajaan.

Katanya pejabat kerajaan, kilang, sekolah dan kawasan kediaman yang berdekatan dengan sungai boleh membantu melanskapkan tebing sungai dengan menanam bunga atau membina trek jogging.

"Apabila mereka sendiri terbabit dalam usaha mencantikkan tebing sungai, mereka akan lebih menghargai sungai berbanding mengambil mudah pemandangan indah jika kerja itu dijalankan oleh pihak berkuasa. Akan wujud rasa pemilikan," kata Phuah.

Beliau berkata skim perangkap sampah kasar disasarkan kepada sektor industri dan pertanian dan pengusaha boleh memasang kemudahan itu yang berharga antara RM30,000 dan RM300,000 untuk memerangkap sampah pada peringkat sumber sebelum melepaskan sisa buangan ke dalam sungai.

Rawatan sisa air juga disasarkan kepada dua kumpulan itu supaya mereka boleh merawat sisa buangan sebelum melepaskannya ke dalam sungai bagi menjamin kualiti air sungai yang lebih baik.

Phuah berkata skim anak angkat sungai boleh disertai oleh semua kumpulan bagi membolehkan mereka mengurus sungai-sungai berdekatan daripada segi kebersihan dan kecantikan.

Terdapat 150 lembangan sungai di negara ini termasuk enam di Kedah.

"Pihak berkuasa mengutip 20 tan sampah dari Sungai Kedah setiap bulan dan membelanjakan kira-kira RM5,000 bagi operasi pembersihan setiap bulan," katanya.

Sebanyak 450 ikrar termasuk daripada parti-parti politik sudah diterima setakat ini.

"Tugas kami adalah untuk memantau janji-janji mereka selepas pelancaran. Kami tidak mahu janji kosong. Kami akan memberi bantuan dan bimbingan yang perlu bagi memenuhi janji-janji mereka," kata Phuah.

-- BERNAMA

JM LAT